

AXCEL B-COMPLEX TABLETS

Vitamin B1/ Vitamin B2/ Vitamin B6/ Cyanocobalamin/ Calcium Pantothenate/ Nicotinamide
(10mg/ 3mg/ 1mg/ 5mcg/ 1mg/ 25mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel B-Complex Tablets.
2. Bagaimana Axcel B-Complex Tablets berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel B-Complex Tablets.
4. Cara menggunakan Axcel B-Complex Tablets.
5. Semasa menggunakan Axcel B-Complex Tablets.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel B-Complex Tablets.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini.

Apakah kegunaan Axcel B-Complex Tablets

Axcel B-Complex Tablets digunakan untuk mencegah dan merawat kekurangan Vitamin B kompleks.

Bagaimana Axcel B-Complex Tablets berfungsi

Axcel B-Complex Tablet terdiri daripada sekumpulan faktor-faktor larut air yang berkait rapat dengan kejadian semulajadi mereka. Mereka membentuk koenzim penting untuk metabolisme protein, karbohidrat atau asid lemak.

Sebelum menggunakan Axcel B-Complex Tablets

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Axcel B-Complex Tablets jika:

- Anda alergi atau hipersensitif pada kandungan dalam produk ini.
- Produk ini bukan dipreskripsikan oleh doktor atau ahli farmasi yang bertauliah kepada anda.

-Sebelum menggunakan Axcel B-Complex Tablets

Sebelum anda mengambil Axcel B-Complex Tablets anda perlu memaklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda mengandung dan menyusukan anak.

- Anda mengambil ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Ia mungkin selamat bagi anda untuk mengguna Axcel B-Complex Tablets dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Cara menggunakan Axcel B-Complex Tablets

-Berapa banyak harus digunakan

Untuk pengambilan oral sahaja. Dos pencegahan adalah 1 tablet setiap hari. Dos rawatan adalah 2-3 kali lebih banyak atau disarankan oleh doktor/ahli farmasi.

-Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Axcel B-Complex Tablets mengikut jenis keadaan yang anda miliki.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa dan abaikan dos yang terlepas. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Anda dinasihatkan supaya menghubungi doktor anda

dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda mengambil Axcel B-Complex Tablet berlebihan.

Semasa menggunakan Axcel B-Complex Tablets

-Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel B-Complex Tablets.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel B-Complex Tablet dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan penggunaan berterusan dalam dos yang tinggi.

Kesan-kesan sampingan

Vitamin B complex pada asasnya tiada kesan sampingan jika diambil secara oral. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

AXCEL B-COMPLEX TABLETS

Vitamin B1/ Vitamin B2/ Vitamin B6/ Cyanocobalamin/ Calcium Pantothenate/ Nicotinamide
(10mg/ 3mg/ 1mg/ 5mcg/ 1mg/ 25mg)

**Cara penyimpanan dan pelupusan
Axcel B-Complex Tablets**

Nombor siri
NPRA(R4/1)181217/00361

-Penyimpanan

Jauhkan Axcel B-Complex Tablets dari jangkauan kanak-kanak. Simpan pada suhu bawah 30°C. Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi dari cahaya.

-Pelupusan

Jangan guna Axcel B-Complex Tablets yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Axcel B-Complex Tablets adalah tablet berwarna kuning, dwicembung, berbentuk bulat, berdiameter 8mm dengan satu garis lurus pada satu permukaan dan logo KOTRA pada permukaan yang lain.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan Aktif:

Vitamin B1, Vitamin B2, Vitamin B6, Cyanocobalamin, Calcium Pantothenate dan Nicotinamide.

Bahan Tidak Aktif:

Corn Starch, Lactose, PVP K90, Magnesium Stearate dan Purified water.

-Nombor MAL

MAL19911423XZ

**Pengilang dan pemegang
pendaftaran produk**

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

02/01/2018